

**PENJAJA WARGA ASING TAK SERIK BERNIAGA**

# CACATKAN KEINDAHAN IBU KOTA

**Oleh Mohd Haris Fadli  
Mohd Fadzil**

harisfadli@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

**P**enjaja warga asing didapati masih menjual pelbagai barangan termasuk makanan dan sirih secara haram di bahu jalan selain kaki lima premis sekitar ibu kota sehingga mencatitkan pemandangan selain mengotorkan kawasan sekitar.

Tinjauan Harian Metro di beberapa lokasi antaranya sekitar Lebuhraya Pudu, Jalan Petaling dan Kota Raya mendapati ramai warga asing menjaja secara 'Rambo' di lokasi terbabit.

Seperti biasa, kehadiran wartawan yang membuat tinjauan dan merakam gambar disambut dengan pandangan tajam kumpulan warga asing terbabit.

Penjaja terbabit menjual pelbagai jenis barangan terutama makanan dan manisan dari negara asal mereka, rokok, sirih selain pakaian terpakai.

Kegiatan mereka bukan sahaja mencatitkan suasana di ibu negara malah mengakibatkan persekitaran menjadi kotor dan tambah menjijikkan, ia dipenuhi kesan ludahan kapur yang dimakan bersama sirih di beberapa lokasi tumpuan buruh asing.

Peniaga warga asing itu membabitkan warga Bangladesh, Indonesia selain etnik Rohingya dalam kalangan lelaki, wanita malah kanak-kanak.

Ramai dalam kalangan mereka menjual sirih di kaki lima sekitar Lebuhraya Pudu.

Kumpulan warga asing

terbabit terus keras kepala menjaja walaupun tindakan penguatkuasaan sering dilaksanakan oleh pihak berkuasa khususnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Bagaimanapun, tinjauan Harian Metro di beberapa kawasan yang pernah tular sebelum ini mendapati tiada atau semakin kurang penjaja warga asing yang berniaga selepas tindakan dikenakan, antaranya ialah sekitar Jalan Hang Jebat dan Bukit Bintang.

Kelmarin, Harian Metro melaporkan tindakan warga asing dan tempatan menjual barangan basah di kaki lima berhampiran dengan Jalan Hang Jebat bukan sekadar salah di sisi undang-undang, bahkan merosakkan imej baik ibu negara.

Ini kerana, 'pasar mini' itu dibuka berhampiran Merdeka 118 yang juga satu daripada mercu tanda di ibu negara malah kegiatan terbabit menerima kecaman ramai selepas tular di media sosial.



## ► **INFO**

● **Kumpulan warga asing terus keras kepala menjaja walaupun tindakan penguatkuasaan sering dilaksanakan oleh pihak berkuasa khususnya DBKL.**

**PENJAJA** warga asing didapati masih menjual pelbagai barangan termasuk makanan dan sirih secara haram di bahu jalan selain kaki lima premis sekitar ibu kota.